



SAMBUTAN mengagalkan daripada warga kampus.



ORANG ramai tertarik dengan demonstrasi di gerai Fakulti Bioteknologi Makanan

# Hari Terbuka USIM MERIAH

Masyarakat setempat lebih mengenali konsep pengajian diterapkan



Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

**H**ari terbuka Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan sungguh meriah apabila gerai pameran mendapat sambutan daripada kalangan penduduk sekitar kampus IPT itu.

Pada program sehari itu, pelbagai pihak sama ada institusi akademik, persatuan pelajar serta badan korporat berkolaborasi menyediakan pelbagai aktiviti khusus mendekatkan IPT itu dengan masyarakat.

Paling menarik di gerai Fakulti Bioteknologi Makanan apabila sekumpulan pelajar membuat demonstrasi unik iaitu membuat ais krim berasaskan makanan sunah. Ini selari dengan misi universiti berkenaan mengetengahkan pengajian berasaskan 'Naqli dan Aqli' yakni pembelajaran merangkumi asuhan al-Quran dan sunah terhadap setiap penuntutnya. Justeru, dalam setiap aktiviti kalangan warga kampus berkenaan, selain elemen sains mahupun teknologi, terdapat perkaitan langsung dengan ilmu diterapkan dalam al-Quran mahupun sunah.

Menurut pempamer yang juga pelajar Bioteknologi Makanan, Muhammad Afif Abdullah, pendekatan digunakan mendekati orang ramai menerusi eks-

perimen lebih mesra umum membabitkan makanan.

"Satu aktiviti kami tengahkan dalam program ini ialah sesi demonstrasi menghasilkan ais krim kurma.

"Seperti sedia maklum, kurma ialah makanan sunah dan mempunyai banyak faedah membabitkan kesihatan dan kami membuat ais krim berkenaan menggunakan garam. Tidak dinafikan ini menarik orang ramai tidak putus-putus datang ke gerai pameran kami.

"Bukan saja dapat memberi pendedahan mengenai makanan sunah malah kami memberi alternatif cara membuat produk makanan dengan kaedah berbeza yang mana membuatkan mereka melihat memahami peranan kami sebaik tamat pengajian nanti," katanya.

Selain Afif, rakan pempamer daripada Fakulti Kejuruteraan Elektronik, Nur Ain Insyirah Muhamad Kamil memanfaatkan hari terbuka berkenaan bagi menarik orang luar supaya lebih minat bidang pengajiannya.

Kata Ain, meskipun dia serta ahli kumpulannya berdepan cabaran keangan mewujudkan ruang makmal sementara mahupun membuat eksperimen di kawasan pameran seperti dirancang dia optimis usaha mereka dihargai orang ramai.

"Bagi pasukan kami untuk membawa keluar perkakasan makmal ke luar sangat mencabar. Maklumlah bidang pengajian kami membabitkan mesin menggunakan

voltan tinggi.

"Jadi kami terpaksa menukar pilihan eksperimen yang mahu kami kendalikan bersama orang luar dan memilih sesuatu lebih ringkas. Kami bersyukur biarpun ia tampak ringkas tetapi masih dapat menarik terutamanya pelajar sekolah menengah berhasrat ingin menjadi jurutera elektronik memahami sedikit sebanyak perkara kami lakukan dalam makmal," katanya.

Menurut Naib Canselor USIM, Datuk Dr Musa Ahmad program terbuka ini ialah acara tahunan membabitkan pihak kampus serta komuniti.

"Setiap tahun kita menganjurkan program sebegini dalam memperlihat-

kan peranan kami selaku institusi pengajian dalam menyumbang kepada komuniti setempat. Bukan saja mereka dapat melihat apa yang ada dalam kampus malah berasa sendiri pengalaman dengan aktiviti disediakan.

"Selain itu kami turut berinteraksi dengan rakan strategik seperti agensi korporat, Bank Islam yang menyumbang RM50,000 kepada USIM untuk menjayakan program ini serta beberapa program lain. Ia dilihat dapat meningkatkan prestij institusi USIM antara universiti masih baru dalam arena pendidikan tinggi tempatan baik kalangan klien berpotensi mahupun pihak industri itu sendiri," katanya.



AIN menerangkan kepada pelajar sekolah pameran di gerainya



ANTARA hasil kerja pelajar dipertontonkan.



ILMU falak antara tarikan ramai.